

# Pertahankan maruah bangsa: PM

TUNJANG, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta rakyat, terutama golongan muda, supaya mempertahankan maruah bangsa dengan menanam semangat dan nilai-nilai keperibadian yang tinggi.

"Kita tidak mahu mereka hanya pandai bercakap kononnya mahu menolong rakyat tetapi tidak sanggup berkorban," katanya ketika ditemui di majlis qurban di sini pagi ini.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah tiba di sini untuk mewakili kepada imam masjid Tunjang, Encik Ahmad Yaacob, bagi qurbannya seekor lembu sempena Hari Raya Haji tahun ini.

Perdana Menteri menegaskan, negara memerlukan rakyat yang bertanggungjawab, mempunyai akhlak yang baik, bersopan-santun serta tahu menghormati orang yang lebih tua, untuk membangunkan negara.

Beliau tidak mahu mereka mencontohi sikap sebahagian kecil rakyat yang kurang bertanggungjawab, terutama dalam skim pinjaman Mara.

"Dalam ucapan-ucapan saya mengenai hutang kepada Mara yang tidak dibayar, mereka hanya ketawa saja bila mendengarnya," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan sepatutnya mereka berusaha dengan rasa tanggungjawab bagi menyelesaikan hutang-hutang itu demi faedah orang lain yang juga memerlukan pinjaman.

Mengenai semangat dan tanggungjawab, Datuk Seri Dr Mahathir meminta rakyat menghormati semangat rakyat Jepun yang gigih menjalankan pelbagai usaha.

"Kejatuhan kapal terbang Syarikat Penerbangan Jepun (JAL) baru-baru ini menyebabkan ketua syarikat berkenaan sanggup meletakkan jawatan tanpa memikirkan kepentingan diri walaupun ia bukan kesalahannya," tambahnya.

Katanya, bagi mereka kejadian itu adalah satu tanggungjawab yang mesti dipikul.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menekankan bahawa kaum guru adalah golongan penting untuk mendidik anak-anak bangsa bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

"Mereka bukan sahaja dikehendaki mendidik bagi melahirkan generasi yang bertanggungjawab pada masa akan datang tetapi juga perlu menjadikan diri mereka satu contoh yang baik," jelasnya.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Paduka Haji Osman Ayoff, ahli exco negeri Haji Hanafi Ramli, Pegawai Daerah Kubang Pasu Datuk Haji Neor Aman Haji Raffii, dan Ketua Wanita Umno Kubang Pasu Puan Barishah Saad.